



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN BAHASA MELAYU SECARA BERSEPADU

ZULKIFLI BIN OSMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu

Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah menuntut agar pengajaran Bahasa Melayu (BM) dilaksanakan secara bersepadu, sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun, kajian mendapati bahawa proses pengajaran BM masih bersifat tradisional, dikotomi, dan memberi penekanan yang tidak seimbang terhadap aspek pengetahuan dan kemahiran bahasa. Tujuan utama kajian ini ialah mereka bentuk, membina dan menilai modul pengajaran BM secara bersepadu. Modul ini dibangunkan berlandaskan lapan strategi utama. Kajian Reka bentuk dan Pembangunan Jenis 1 ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembinaan, dan pelaksanaan dan penilaian yang diadaptasi daripada Model Reka bentuk dan Pembangunan Richey dan Klein (2007). Model Pengajaran Berkesan Morrison et al (2007) digunakan sebagai panduan membangunkan modul, manakala model penilaian formatif Tessmer (1993) digunakan sebagai panduan menilai modul. Dalam fasa analisis keperluan, teknik kualitatif seperti pemerhatian, temu bual separa struktur dan bukti dokumen digunakan bagi mendapatkan data tentang (1) amalan pengajaran guru BM di bilik darjah, masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi guru dan pelajar, dan (3) cadangan mereka bagi meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran. Data ini digunakan sebagai panduan untuk membangunkan modul. Enam guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat, Guru Panitia Bahasa Melayu, Guru Kanan Bahasa Melayu, dan enam kumpulan fokus pelajar terlibat sebagai peserta kajian. Di samping itu, fasa reka bentuk dan pembinaan pula dijalankan bagi mendapatkan data tentang kesahan kandungan dan kebolehlaksanaan modul. Bagi mendapatkan data, ulasan dan komen pakar, guru dan pelajar digunakan. Enam pakar, sembilan kumpulan pelajar, dan dua guru terlibat dalam menilai kekuatan dan kelemahan modul ini. Fasa pelaksanaan dan penilaian dijalankan bagi mendapatkan data tentang kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kebolehgunaan dan kemampuan modul meningkatkan kemahiran berbahasa. Fasa ini dijalankan dalam dua fasa, iaitu penilaian kumpulan kecil (kajian rintis), dan kajian lapangan. Data diperolehi melalui pemerhatian, temu bual separa struktur, ulasan, dan komen secara langsung daripada peserta kajian. Tiga Guru BM Tingkatan 4 dan tiga kelas Tingkatan Empat terlibat dalam fasa kajian ini. Dapatan kajian fasa analisis keperluan menunjukkan bahawa amalan pengajaran BM di bilik darjah Tingkatan Empat masih bersifat tradisional dan penggunaan BBM amat terhad. Pelajar mencadangkan agar guru mempelbagaikan kaedah dan bahan pengajaran. Di samping itu, dapatan kajian fasa pembinaan mendapati bahawa modul ini boleh dilaksanakan, khususnya dari aspek kandungan, pedagogi dan reka bentuk, dengan syarat beberapa pindaan dilakukan. Dapatan fasa ini juga menunjukkan bahawa modul ini mempunyai kekuatan dari aspek kebolehlaksanaan serta mampu menarik minat pelajar. Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa modul ini boleh dilaksanakan dan dapat menarik minat pelajar serta mampu meningkatkan penguasaan berbahasa pelajar secara holistik. Dapatan kajian lapangan juga mendapati semua modul boleh dilaksanakan dalam waktu dan sesi pengajaran sebenar, dapat meningkatkan kemahiran berbahasa serta berupaya menarik minat pelajar berbanding dengan pendekatan yang digunakan oleh guru sebelum ini. Implikasi kajian menunjukkan bahawa modul yang didasarkan kepada pendekatan bersepadu boleh dilaksanakan dan menarik minat pelajar. Implikasi kajian juga mendapati Model Pengajaran Berkesan Morisson et al (2007) boleh diaplikasikan.



ABSTRACT

The Development of an Integrated Malay Language Teaching Module



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Based on the secondary school level of Malay Language education curriculum, Malay Language should be taught in an integrated manner in order to meet the National Education Philosophy. However, previous studies showed that the process of language teaching in the classroom is only focused on the mastery of mere knowledge of the language. The main objectives of the study are to design and to develop a teaching module based on the holistic approach. The modules are developed based on eight strategies. This design and developmental research were conducted in three phases; need analysis phase, developmental phase and implementation and evaluation phase, which is adapted from the Richey and Klein's (2007) Design and Developmental Model. The Model of Effective Teaching (Morrison et al, 2007) is used to develop this module, and Tessmer's (1993) and Dick, Carey, and Carey (2005) formative evaluation model is used to evaluate the module. In the need analysis phase, qualitative techniques such as observation, semi-structured interviews and documents were used to get the data for Malay Language teaching practice in classroom, teaching and learning problems faced by teachers and students as well as their suggestions in order to improve the teaching and learning strategies. The data are used as a guide for developing the module. Six teachers - four Form Four BM teachers, two senior language teachers and six groups of Form Four students are involved as participants for this research. Furthermore, the developmental phase is conducted in order to get the data about the validity and feasibility of the module. To obtain the content validity, experts, teachers and students reviews and verbal comments were used. Six experts, nine groups of selected students, and two teachers were engaged to evaluate the strengths and weaknesses of the module. The implementation and evaluation phase is conducted in order to gather data regarding the strengths and weaknesses of the usability and ability of the modules. The study was conducted in two stages which consist of a small group evaluation (SGE), and a field trial. Data were gathered through observation, reviews and comments from the participants. Three BM teachers and three Form Four classes were involved. The need analysis results showed that the teaching practice used is very traditional. Students suggested that teachers should use different teaching method and multiple teaching materials. In addition, the developmental phase results found that the module can be implemented particularly in terms of content, pedagogy, and design if some amendments were made. From this phase, it shows that this module has the ability to be implemented as well as to attract students interests. The findings of the SGE shows that this module can be implemented in the actual class, can motivate students and help them to master the language with competence and performance in a balanced and integrated manner. In the trial field, the finding shows that, the modules can be implemented in time and in the actual classroom. The study also found that the students' language skills can be improved and could increase their interest towards the language. The implication of this study shows the holistic approach can be implemented and attract students. This study also shows that the application of the Effective Teaching Models by Morrison et al. (2007) can be applied.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Perakuan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Rajah.....	xv
Senarai Gambar.....	xvi
Senarai Singkatan.....	xvii
 BAB 1 PENGENALAN.....	 1
Latar belakang	1
Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu.....	2
Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu.....	2
Matlamat dan Objektif Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah.....	3
Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.....	4
Aspek penggunaan bahasa.....	5
Kemahiran bahasa.....	5
Hasil pembelajaran.....	6
Sistem bahasa.....	7
Pengisian kurikulum.....	7
Strategi Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.....	7
Implikasi Teori Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pengajaran Bahasa Melayu.....	9
Teori Pembelajaran dan Pemerolehan Bahasa.....	9
Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.....	13
Pernyataan Masalah.....	16
Rasional Kajian.....	19
Objektif Kajian.....	21
Soalan Kajian.....	22
Kerangka Teoritik Kajian.....	23
Kepentingan Kajian.....	29
Batasan Kajian.....	31
Definisi Istilah Utama.....	32
Rumusan.....	35
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN.....	 36
Pendahuluan.....	36
Latar Belakang Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia.....	38
Fasa Awal Pendidikan Bahasa Melayu.....	38
Fasa Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu (KBSM).....	40
Aliran-aliran dalam Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.....	44
Pendekatan Struktural.....	44
Pendekatan Kod-Kognitif.....	47
Pendekatan Komunikatif.....	48
Isu dalam Pendidikan Bahasa Melayu.....	52
Aspek Pengetahuan dan Kecekapan Berbahasa.....	52
Aspek Budaya.....	53

Konsep Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua.....	56
Cabaran Abad Ke-21.....	59
Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah.....	60
Perspektif dalam Pendekatan Bersepadu.....	62
Pendekatan Integrasi.....	62
Prinsip pendekatan integrasi.....	62
Kajian dalam pendekatan integrasi.....	69
Pendekatan Pengajaran Bahasa secara Menyeluruh (<i>Whole Language Approach</i>).....	71
Prinsip pendekatan pengajara bahasa secara menyeluruh.....	71
Kajian dalam pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh.....	73
Pendekatan Integral atau Pendidikan Holistik.....	75
Prinsip pendekatan integral/pendidikan holistik.....	75
Rasional pelaksanaan pendekatan integral/pendidikan holistik.....	83
Kajian dalam pendidikan holistik.....	85
Gagasan Pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu.....	94
Pendekatan dan Strategi Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu yang Diperluas.....	97
Modul Pengajaran Berkesan.....	100
Rumusan.....	105
 BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....	106
Pendahuluan.....	106
Reka bentuk Kajian.....	106
Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan.....	108
Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Pembinaan Modul.....	110
Proses menganalisis isi kandungan modul.....	111
Proses memilih objektif modul dan objektif pelajaran.....	122
Mengorganisasikan dan menyusun urutan pembelajaran... ..	123
Memilih strategi pengajaran yang digunakan dalam modul.....	125
Mereka bentuk mesej pengajaran.....	128
<i>Strategi prapengajaran</i>	128
<i>Strategi penyampaian mesej pengajaran</i>	129
<i>Penggunaan penanda teks</i>	130
<i>Penggunaan gambar dan grafik</i>	132
Membina preskripsi dan melaksanakan pengajaran.....	134
<i>Pertimbangan sebelum memulakan pengajaran</i>	134
<i>Heuristik atau cara membangunkan pengajaran</i>	135
<i>Strategi penyampaian mesej atau melaksanakan pengajaran</i>	137
Membina instrumen penilaian pengajaran.....	139
Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul.....	141
Tujuan penilaian formatif.....	141
Fasa penilaian formatif.....	142
<i>Penilaian pakar</i>	144
<i>Penilaian satu dengan satu</i>	145
<i>Penilaian kumpulan kecil/kajian rintis</i>	146
<i>Penilaian lapangan/penilaian kelas sebenar</i>	146
Pemilihan Peserta Kajian.....	148

Pemilihan Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan.....	148
Pemilihan Peserta Kajian Fasa Reka bentuk dan Pembinaan.....	153
Kumpulan pakar.....	154
Pengguna (guru Bahasa Melayu dan pelajar Tingkatan Empat).....	155
Pemilihan Peserta Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.....	156
Tapak Kajian.....	157
Peranan Penyelidik.....	160
Instrumen Kajian.....	161
Instrumen Kajian Fasa Analisis Keperluan.....	161
Pemerhatian.....	161
Temu bual separa struktur.....	162
Bukti dokumen.....	165
Instrumen Kajian Fasa Reka bentuk dan Pembinaan.....	165
Instrumen Kajian Fasa Penilaian dan Pelaksanaan.....	167
Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	170
Kesahan Muka.....	170
Kesahan Kandungan.....	173
Kesahan Kriteria.....	174
Kesahan Dalaman (<i>Internal Validity</i>).....	175
Prosedur Menjalankan Kajian.....	176
Kaedah Penganalisisan Data.....	181
Kesimpulan.....	185
 BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN.....	187
Pendahuluan.....	187
Dapatan Kajian Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan.....	187
Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah.....	187
Persepsi guru terhadap konsep pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu.....	188
Strategi pengajaran yang dilaksanakan guru.....	189
<i>Pengajaran bahasa secara fragmentasi</i>	190
<i>Pengajaran bahasa berpusatkan guru</i>	193
<i>Amalan menghabiskan sukatan pelajaran</i>	195
<i>Pengajaran bahasa berorientasikan peperiksaan</i>	197
<i>Mengutamakan hasil berbanding proses pembelajaran</i>	200
<i>Menekankan kemahiran menulis</i>	201
<i>Menekankan kemahiran intelek</i>	202
<i>Menekankan kepada rumus tatabahasa</i>	202
Aspek kaedah pengajaran di bilik darjah.....	204
<i>Kaedah pengajaran guru</i>	204
<i>Kaedah pengajaran kemahiran bahasa</i>	206
<i>Kaedah pengajaran tatabahasa</i>	209
<i>Buku rujukan sebagai sumber rujukan utama</i>	211
<i>Kaedah penilaian di bilik darjah</i>	214
Rumusan dan Implikasi kepada Pengajaran Bahasa Melayu.....	216
Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Bilik Darjah dan Cadangan Guru dan Pelajar.....	219
Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat.....	219
<i>Sikap guru dan pelajar</i>	220
<i>Memenuhi keperluan peperiksaan</i>	222
<i>Menghabiskan sukatan pelajaran</i>	223

<i>Penguasaan kemahiran berbahasa.....</i>	224
Pandangan dan cadangan guru dan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.....	225
<i>Pelbagaikan bahan bantu mengajar</i>	225
<i>Tingkatkan strategi pengajaran karangan.....</i>	226
<i>Pengajaran tatabahasa secara konteks.....</i>	229
<i>Pelbagaikan kaedah pengajaran</i>	231
Rumusan dan Implikasi Pengajaran.....	233
 Dapatan Kajian Fasa 2: Fasa Reka bentuk dan Pembinaan.....	236
Penilaian Pakar terhadap Kesahan Kandungan Modul.....	236
Penilaian pakar kandungan.....	237
<i>Aspek umum penulisan modul.....</i>	238
<i>Kesesuaian kandungan dengan matlamat dan objektif pelajaran.....</i>	241
Penilaian pakar pedagogi.....	245
<i>Kejelasan dan kebolehcapaian objektif pelajaran.....</i>	245
<i>Pengembangan isi pelajaran.....</i>	246
<i>Isi pelajaran.....</i>	247
<i>Kesesuaian dan berkesan aktiviti pelajaran.....</i>	248
<i>Keberkesanan dan kesesuaian bahan pembelajaran.....</i>	250
<i>Kesesuaian dan keberkesanan penilaian.....</i>	251
Penilaian pakar reka bentuk pengajaran.....	253
<i>Kesesuaian objektif pelajaran.....</i>	254
<i>Kesesuaian dan kebolehlaksanaan urutan (sequencing) pelajaran.....</i>	256
<i>Kesesuaian reka bentuk mesej dan bahan pengajaran dan pembelajaran.....</i>	258
<i>Kualiti aspek teknikal bahan bantu mengajar.....</i>	260
<i>Kejelasan bahan bantu mengajar (BBM).....</i>	262
Rumusan dan Implikasi Pengajaran.....	262
Penilaian Pengguna terhadap Kekuatan dan Kelemahan Modul.....	264
Penilaian guru.....	264
<i>Penilaian guru secara keseluruhan.....</i>	265
<i>Kejelasan arahan aktiviti pembelajaran dan maklumat.....</i>	268
<i>Impak bahan pembelajaran terhadap pelajar.....</i>	271
<i>Kebolehlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.....</i>	272
Rumusan dan Implikasi Pengajaran.....	277
Penilaian pelajar.....	280
<i>Kejelasan arahan aktiviti pembelajaran dan maklumat.....</i>	280
<i>Impak bahan pembelajaran terhadap pelajar.....</i>	285
<i>Kebolehlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.....</i>	285
Rumusan dan Implikasi Pengajaran.....	287
 Dapatan Kajian Fasa 3: Fasa Penilaian Kumpulan Kecil (Kajian Rintis).....	289
Kemampuan Pelajar Mencapai Objektif Pelajaran.....	290
Kesesuaian Masa yang Ditetapkan untuk Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran.....	299

Kebolehlaksanaan Bahan dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran.....	303
Kemampuan Bahan dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Menarik Minat Pelajar dan Menyokong Kemahiran Berbahasa.....	313
Dapatan Kajian Fasa 3: Fasa Penilaian Lapangan.....	317
Kerelevanan Isi Pelajaran.....	318
Kebolehlaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran.....	319
Kebolehcapaian Objektif Pelajaran.....	328
Pandangan Pelajar dan Guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pendekatan Bersepadu.....	328
Strategi pengajaran.....	329
Kaedah pengajaran kemahiran bahasa.....	331
Kaedah pengajaran tatabahasa.....	332
Pengunaan bahan pengajaran dan pembelajaran.....	333
Teknik penilaian di bilik darjah.....	335
Rumusan dan Implikasi Pengajaran.....	336
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	337
Pendahuluan.....	337
Rumusan Hasil Kajian.....	337
Amalan Pengajaran Bahasa Melayu Di bilik Darjah.....	337
Persepsi guru terhadap pendekatan pengajaran Bahasa Melayu.....	337
Strategi pengajaran guru.....	338
Kaedah pengajaran guru.....	340
Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Bilik Darjah dan Pandangan Guru dan pelajar.....	342
Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.....	342
Pandangan guru dan pelajar terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.....	344
Kekuatan dan Kelemahan Modul Fasa Pembangunan dan Kajian Rintis.....	344
Kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kandungan, pedagogi, reka bentuk pengajaran.....	345
Kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan.....	347
<i>Penilaian guru terhadap kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kejelasan, impak, dan kebolehlaksanaan.....</i>	<i>347</i>
<i>Penilaian pelajar terhadap kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kejelasan, impak dan kebolehlaksanaan.....</i>	<i>348</i>
Kekuatan dan kelemahan modul dari aspek kebolegunaan.....	349
Kekuatan dan kelemahan modul dari aspek menarik minat pelajar dan kemampuan modul menyokong kemahiran berbahasa.....	350
Kebolehgunaan Modul Pengajaran Bahasa Melayu Fasa Penilaian Lapangan.....	350
Perbincangan.....	352

Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah.....	352
Masalah Pengajaran Bahasa Melayu Di Bilik Darjah.....	356
Kekuatan dan Kelemahan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu atau Holistik.....	357
Implikasi Kajian.....	358
Cadangan	360
Kesimpulan.....	360
RUJUKAN.....	362
LAMPIRAN.....	374
Lampiran A1 Protokol Temu bual Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat.....	374
Lampiran A2 Protokol Temu bual Guru Kanan Bahasa.....	377
Lampiran A3 Protokol Temu bual Guru Panitia BM	380
Lampiran A4 Catatan Ringkasan Temu bual Guru/Pelajar Fasa Analisis Keperluan.....	383
Lampiran B Protokol Temu bual Pelajar Tingkatan Empat.....	385
Lampiran C Protokol Catatan Pemerhatian Pengajaran Guru.....	388
Lampiran C1 Ringkasan Pemerhatian Pengajaran Guru Fasa Analisis Keperluan.....	391
Lampiran D Ringkasan Bukti Dokumen.....	393
Lampiran E1 Protokol Temu bual Pakar Kandungan.....	397
Lampiran E2 Protokol Temu bual Pakar Pedagogi.....	400
Lampiran E3 Protokol Temu bual Pakar Reka bentuk Pengajaran.....	403
Lampiran F1 Protokol Temu bual Guru Fasa Penilaian Satu dengan Satu.....	407
Lampiran F2 Protokol Temu bual Pelajar Fasa Penilaian Satu dengan Satu.....	409
Lampiran G1 Protokol Temu bual Pelajar Fasa Pelaksanaan Kumpulan Kecil.....	410
Lampiran G2 Protokol Temu bual Guru Fasa Pelaksanaan Kumpulan Kecil.....	412
Lampiran H1 Protokol Temu bual Guru Fasa Pelaksanaan Kelas Sebenar.....	414
Lampiran H2 Protokol Temu bual Pelajar Fasa Pelaksanaan Kelas Sebenar.....	416
Lampiran I Rancangan Pelajaran Harian.....	418
Lampiran J1 Surat Kebenaran Peserta Kajian.....	419
Lampiran J2 Surat Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga.....	420
Lampiran K1 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian BPPP.....	421
Lampiran K2 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Perak.....	422
Lampiran K3 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Pihak Sekolah...	423
Lampiran L1 Contoh Pembentukan Koding dan Tema bagi Temu bual Guru Fasa Analisis Keperluan.....	424
Lampiran L2 Contoh Jadual Matrik Pembentukan Koding dan Tema Fasa Analisis Keperluan.....	425
Lampiran M Contoh Proses Membuat Konsensus Pandangan Guru dan Pakar terhadap Kekuatan dan Kelemahan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu.....	427
Lampiran N Contoh Modul (Modul 1, 2, dan 3).....	428
Lampiran O Contoh Komen dan Ulasan Pakar.....	429
Lampiran P Contoh Komen dan Ulasan Guru.....	430

Lampiran Q	Contoh Komen dan Ulasan Guru dan pelajar dalam Kajian Rintis	431
Lampiran R	Contoh dan Ulasan Guru dan Pelajar dalam Kajian Lapangan	432

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	<i>Aliran Perkembangan Pendekatan Pengajaran Bahasa.....</i>	50
Jadual 2.2	<i>Perbandingan Parameter antara Pendekatan Kognitif dan Pendekatan Bahasa Menyeluruh (Whole Language Approach).....</i>	73
Jadual 2.3	<i>Hubungan antara Perkaitan dan Kaedah Penyepaduan Pendekatan Holistik J. P. Miller.....</i>	82
Jadual 2.4	<i>Fokus, Penekanan dan Matlamat Pendekatan Bersepadu J. P. Miller.....</i>	83
Jadual 3.1	<i>Teknik Pengumpulan Data yang Digunakan dalam Kajian Analisis Keperluan.....</i>	109
Jadual 3.2	<i>Aktiviti Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan.....</i>	110
Jadual 3.3	<i>Proses Analisis Kandungan Modul (Modul 1).....</i>	112
Jadual 3.4	<i>Penggabungan Aspek Penggunaan Bahasa dalam Modul.....</i>	115
Jadual 3.5	<i>Pengintergrasian antara Kemahiran Bahasa Utama dan Sokongan.....</i>	116
Jadual 3.6	<i>Huraian Hasil Pembelajaran yang Harus Dicapai bagi Setiap Modul.....</i>	117
Jadual 3.7	<i>Penggabungan Sistem Bahasa Berdasarkan Konsep Kontekstual dan Natural.....</i>	120
Jadual 3.8	<i>Pengisian Kurikulum dalam Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu.....</i>	121
Jadual 3.9	<i>Contoh Objektif Pengajaran Modul 2.....</i>	123
Jadual 3.10	<i>Susunan Kandungan Pelajaran Berdasarkan Pendekatan Bertema.....</i>	123
Jadual 3.11	<i>Contoh Aplikasi Konsep Urutan Pengajaran Berdasarkan Urutan Masa.....</i>	124
Jadual 3.12	<i>Urutan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Skema Hubungan Sofistikasi.....</i>	125
Jadual 3.13	<i>Contoh Pelaksanaan Strategi Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu.....</i>	126
Jadual 3.14	<i>Langkah dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dalam Setiap Modul.....</i>	130
Jadual 3.15	<i>Penggunaan Penanda Eksplisit dalam Teks.....</i>	131
Jadual 3.16	<i>Strategi Penyampaian Mesej dalam Modul.....</i>	138
Jadual 3.17	<i>Kaedah Penyampaian Mesej dalam Modul.....</i>	139
Jadual 3.18	<i>Objektif Tingkah laku dan Instrumen Penilaian yang Digunakan dalam Modul 1.....</i>	140
Jadual 3.19	<i>Aspek Penilaian Sikap dan Minat.....</i>	141
Jadual 3.20	<i>Ringkasan Fasa Penilaian dan Teknik yang Digunakan.....</i>	143
Jadual 3.21	<i>Kriteria Penilaian Satu dengan Satu.....</i>	145
Jadual 3.22	<i>Tahap Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.....</i>	147
Jadual 3.23	<i>Pengalaman dan Bidang Peserta Kajian (Guru).....</i>	150
Jadual 3.24	<i>Peserta Kajian (Pelajar) dalam Kajian Awal.....</i>	151
Jadual 3.25	<i>Jenis Penilaian Pakar dan Kriteria Pemilihan.....</i>	155
Jadual 3.26	<i>Pemilihan Peserta Kajian Berdasarkan Fasa Kajian.....</i>	157
Jadual 3.27	<i>Taburan Sekolah yang Terlibat dalam Kajian.....</i>	158
Jadual 3.28	<i>Bilangan Pemerhatian Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan.....</i>	162
Jadual 3.29	<i>Sasaran dan Bilangan Temu bual Peserta Kajian Fasa Analisis Keperluan.....</i>	164
Jadual 3.30	<i>Fasa Kajian, Jenis Instrumen, Peserta Kajian dan Bilangan Peserta.....</i>	170
Jadual 3.31	<i>Pelaksanaan Kesahan Muka bagi Instrumen Kajian.....</i>	171
Jadual 3.32	<i>Contoh Pindaan yang Dilakukan dalam Modul yang DiBangunkan.....</i>	172
Jadual 3.33	<i>Strategi Kesahan Dalaman dan Kebolehppercayaan.....</i>	175
Jadual 3.34	<i>Jadual Pelaksanaan Kajian Fasa I.....</i>	177
Jadual 3.35	<i>Tempoh Pelaksanaan Modul.....</i>	179
Jadual 3.36	<i>Contoh Borang Penilaian Pakar.....</i>	184
Jadual 3.37	<i>Lembaran Komen Pakar.....</i>	185

Jadual 3.38 Matrik antara Objektif, Soalan dan Intrumen Kajian..... 186

Jadual 4.1 Komen Pakar Pedagogi terhadap Objektif Pelajaran Modul 246

Jadual 4.2 Komen Pakar Pedagogi terhadap Pengembangan Isi Pelajaran Modul... 247

Jadual 4.3 Komen Pakar Pedagogi terhadap Isi Pelajaran Modul..... 248

Jadual 4.4 Komen Pakar Pedagogi terhadap Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Modul..... 249

Jadual 4.5 Rumusan Analisis Penilaian Objektif bagi Setiap Modul Fasa Penilaian Kumpulan Kecil (Rintis)..... 299

Jadual 4.6 Analisis Masa Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Modul 303

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka teoritikal kajian.....	28
Rajah 2.1	Ilustrasi tentang bahagian dalam sorotan kajian.....	37
Rajah 2.2	Analisis ayat berdasarkan unsur konstituen terdekat pendekatan struktural. Diadaptasi daripada Asmah Hj. Omar, 1993, <i>Nahu Melayu Mutakhir</i>	45
Rajah 2.3	Dimensi pendekatan bersepadu. Diadaptasi daripada R. Fogarty, 1991, <i>The Mindful School: How to Integrate the Curricula</i> . hlm. xiii.....	67
Rajah 2.4	Proses orientasi pembelajaran secara transformasi berdasarkan pendekatan holistik. Diadaptasi daripada J.P. Miller, 2007, <i>The Holistic Curriculum (2nd ed.)</i> , hlm. 12.....	81
Rajah 2.5	Fasa dan langkah pembinaan modul Bahasa Melayu secara bersepadu. Diadaptasi daripada “Komponen Model Pengajaran Berkesan” oleh G. R. Morrison, S. M. Ross, dan J. E. Kemp, 2007, <i>Designing Effective Instruction (5rd ed.)</i> . hlm. 1.....	104
Rajah 2.6	Komponen asas reka bentuk pengajaran berkesan. Diadaptasi daripada G. R. Morrison, S. M. Ross, dan J. E. Kemp, 2007, <i>Designing Effective Instruction (5rd ed.)</i> . hlm. 15).....	105
Rajah 3.1	Reka bentuk kajian yang diaplikasikan dalam pembangunan modul	107
Rajah 3.2	Aplikasi penanda tipografi dalam teks “Pemanasan Global: Bumi Amanah Kita” (Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, Mac, 2010).....	132
Rajah 3.3	Kaedah mengawal kelajuan idea (<i>pacing</i>) dalam teks ‘Menghargai Nilai Air’..	136
Rajah 3.4	Proses penilaian modul pengajaran Bahasa Melayu. Diadaptasi daripada “Model Penilaian Formatif” oleh M. Tessmer, 1993, <i>Planning Conducting Formative Evaluations</i> , hlm. 16.....	143
Rajah 3.5	Taburan peserta kajian Fasa 1.....	152
Rajah 3.6	Prosedur menjalankan kajian.....	180
Rajah 3.7	Analisis data secara interaktif. Diadaptasi daripada “Interactive Model” oleh M. B. Miles dan A. M. Huberman, 1994, <i>Qualitative Data Analysis</i> , hlm. 12).....	182

SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1 Perbezaan amalan budi bahasa dalam kalangan masyarakat (Sumber: Google)..... 133

Gambar 3.2 Gambar yang digunakan bagi melambangkan nilai air kepada manusia..... 133

Gambar 4.1 Mangsa ragut..... 251

Gambar 4.2 Bahan yang digunakan bagi menunjukkan perbezaan sikap dua golongan masyarakat menaiki bas..... 261

Gambar 4.3 Tidak menunjukkan mangsa jenayah ragut..... 282

Gambar 4.4 Majlis ‘naik buai’ orang Melayu..... 282

Gambar 4.5 Gambar yang digunakan bagi melambangkan kemiskinan di negara ini.. 284

Gambar 4.6 Contoh bahan grafik yang dihasilkan kumpulan pelajar..... 295

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
KBSM	Kurikulum Baharu Sekolah Menengah
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)
FPB	Falsafah Pendidikan Bahasa
PBBM	Pendekatan Bersepadu Bahasa Melayu
HP	Hasil Pembelajaran
HPU	Hasil Pembelajaran Utama
HPK	Hasil Pembelajaran Khusus
PBM	Pendekatan Pengajaran Bahasa secara Menyeluruh
PBH	Pendekatan Pengajaran Bahasa secara Holistik
P&P	Proses Pengajaran dan Pembelajaran
LP	Langkah Pelajaran
RPM	Rancangan Pelajaran Mingguan
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
BPPP	Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KOMSAS	Komponen Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu
PMR	Penilaian Menengah Rendah
KBT	Kemahiran Bernilai Tambah
BBM	Bahan Bantu Mengajar
USM	Universiti Sains Malaysia
IBMM	Institut Bahasa Melayu Malaysia
KM	Kilometer
TT	Transkripsi Temu bual Fasa Analisis Keperluan
G	Guru
GK	Guru Kanan Bahasa
GP	Guru Panitia Bahasa Melayu
KFP	Kumpulan Fokus Pelajar
CLL	Catatan Lapangan Lanjutan
P	Pemerhatian
DG	Dokumen Guru
DP	Dokumen Pelajar
DS	Dokumen Sekolah
JAPO	Jadual Analisis Pencapaian Objektif
KR	Kajian Rintis/Penilaian Kumpulan Kecil
TTB	Transkripsi Temu bual Fasa Kajian Rintis/Penilaian Kumpulan Kecil
M	Modul
TBP	Temu bual Pelajar Fasa Kajian Rintis/Kajian Lapangan
TBG	Temu bual Guru Fasa Kajian Rintis/Kajian Lapangan
KL	Kajian Lapangan
KP	Kumpulan Pelajar (Fasa Kajian Lapangan)

BAB 1



PENGENALAN

Latar Belakang

Pendidikan Bahasa Melayu secara bersepadu di sekolah menengah bukanlah perkara baharu bagi dunia pendidikan. Kurikulum ini mula dilaksanakan pada tahun 1988 di negara ini, dengan terhasilnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum ini dirancang bagi memenuhi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu (Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ahmad Hj. Tahir, & Muhani Hj. Abdul Ghani, 1988). Bagi mencapai matlamat di atas, *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (1988) memberi perhatian utama kepada beberapa aspek, iaitu (1) pelajar bukan sahaja perlu menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi, bahkan mereka juga perlu memahami sistem Bahasa Malaysia bagi memenuhi fungsi sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama, bahasa pencerminan akal budi rakyat dan bahasa ilmu pengetahuan; (2) mementingkan penggabungjalinan kecekapan berbahasa, termasuk aspek-aspek bahasa dan penyerapan ilmu pengetahuan, unsur kewarganegaraan serta nilai murni masyarakat bagi membentuk peribadi yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani; dan (3) memberi pemahaman tentang sistem bahasa serta unsur nilai yang didukungnya, kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan.



Kurikulum Bahasa Melayu Bersepadu Sekolah Menengah memasuki fasa kedua dengan adanya semakan terhadap kurikulum tersebut pada tahun 2002. Kurikulum Bahasa Melayu (Semakan 2002) ini masih mengekalkan matlamat yang sama dengan kurikulum lama, cuma kandungan sukatan kurikulum baharu lebih menyeluruh, iaitu meliputi aspek penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. *Kurikulum Lama Bahasa Melayu Sekolah Menengah (KLSM)* pula memfokuskan penguasaan komponen-komponen bahasa seperti komponen kemahiran bahasa, tatabahasa, permainan bahasa, bahasa dalam perhubungan dan komponen tanda baca (Nik Safiah Karim et al, 1988: vii).

Perubahan kandungan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu bertujuan membolehkan pelajar menguasai bukan sahaja aspek nahu Bahasa Melayu, tetapi juga aspek kecekapan berbahasa (Awang Sariyan, 2004), selaras dengan saranan *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*, 2001) yang menyatakan bahawa matlamat kurikulum Bahasa Melayu adalah bagi menyediakan pelajar dengan keupayaan linguistik dan keupayaan berkomunikasi. Justeru, satu kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bersepadu Bahasa Melayu di sekolah perlu dijalankan. Oleh itu, kajian ini akan cuba membangunkan sebuah modul pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat secara bersepadu bagi memenuhi keperluan tersebut.

Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu KBSM

Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu

Awang Sariyan (2004) menjelaskan bahawa falsafah pendidikan bersepadu Bahasa Melayu ialah terjemahan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi induk kepada Falsafah Pendidikan Bahasa (FPB). Menurut beliau, FPB yang menunjangi pendidikan bahasa ialah:

- (1) Pendidikan bahasa sebagai upaya mengembangkan potensi berbahasa yang dikurniakan Tuhan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- (2) Pendidikan bahasa sebagai upaya meneliti sistem alam ciptaan Tuhan.
- (3) Pendidikan bahasa sebagai satu cabang pendidikan umum, iaitu sebagai subjek atau sebagai sarana pemerolehan ilmu lain.
- (4) Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas bahawa FPB memberi penekanan kepada aspek kemahiran berbahasa, sistem bahasa, sarana ilmu dan juga sebagai sarana nilai dan budaya. Justeru, kajian ini akan cuba mengamalkan falsafah ini secara empirikal dan objektif dalam pendidikan Bahasa Melayu dalam konteks di bilik darjah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Matlamat dan Objektif Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Edisi Semakan (2002) mengagaskan bahawa matlamat kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian.

Tujuan kurikulum bersepadu ini juga adalah untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum ini juga dijana bagi membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa yang betul dan tepat. Melalui kurikulum ini juga diharapkan pelajar mampu mengungkapkan segala bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Bagi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun




PustakaTBainun



ptbupsi

mencapai matlamat dan tujuan tersebut pelajar harus boleh menguasai objektif yang ditetapkan, iaitu:



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- (1) melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin seta mengeratkan hubungan, dan berusaha untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- (2) mendapatkan dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- (3) menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- (4) mendengar, membaca, menonton, dan memberi respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- (5) melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan
- (6) menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kesimpulannya, objektif pendidikan bersepadu Bahasa Melayu ialah membantu pelajar menguasai aspek kecekapan berbahasa dalam konteks bahasa dan budaya yang persis dan tepat.

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Kurikulum pendidikan Bahasa Melayu digubal bersesuaian dengan fungsi bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan harian seperti berinteraksi dengan orang lain, mengakses maklumat, dan untuk memahami bahan bacaan. Sebagaimana

yang dinyatakan dalam bahagian pertama, penggunaan bahasa ini dinyatakan dalam bentuk Hasil Pembelajaran (HP) dan berteraskan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini pula digabungkan dengan peraturan sistem bahasa, dan disokong oleh elemen pengisian kurikulum, seperti ilmu pengetahuan, nilai, sosiobudaya, semangat kewarganegaraan, patriotisme, dan kemahiran bernilai tambah. Penyataan HP adalah dalam bentuk fungsian yang mencerminkan amalan harian kehidupan sebenar masyarakat Malaysia. Penjelasan di atas menunjukkan bahawa kandungan pelajaran Bahasa Melayu meliputi penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum

Aspek penggunaan bahasa.

Aspek penggunaan bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik. Bagi setiap bidang terdapat hasil pembelajaran utama (HPU) dan hasil pembelajaran khusus (HPK) yang perlu dikuasai. Bidang interpersonal merujuk kepada kebolehan pelajar memulakan, membina, dan mengekalkan persahabatan serta perhubungan dengan orang lain (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan*, 2002: 4). Bidang maklumat pula merujuk kepada keupayaan pelajar memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu, manakala bidang estetik merujuk kepada keupayaan pelajar menikmati karya sastera, melahirkan idea serta perasaan secara kreatif.

Kemahiran bahasa.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2002) juga menjelaskan dengan terperinci bahawa aspek kemahiran bahasa merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran ini merupakan teras kepada penggunaan bahasa

baku. Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan. Kemahiran bertutur pula merujuk kepada keupayaan pelajar menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis, dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan di samping menggunakan tatabahasa yang betul. Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul, dan penekanan diberi kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik membaca. Kemahiran bahasa yang keempat, iaitu kemahiran menulis yang merujuk kepada keupayaan pelajar mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Pelajar juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka dalam menghasilkan penulisan yang baik.

Hasil pembelajaran.

Hasil pembelajaran (HP) pula merupakan pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan HP memberi petunjuk yang jelas tentang apa yang boleh dicapai oleh pelajar (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan*, 2002). Hasil Pembelajaran diperincikan mengikut tahap kesukaran isi pelajaran dan tahap pembelajaran dan prestasi pelajar (Zaharah Aziz, 2004). Perincian ini terkandung dalam huraian hasil pembelajaran (HHP) yang disebut sebagai pernyataan aras pembelajaran, iaitu aras asas (Aras 1), aras sederhana (Aras 2), dan aras cemerlang (Aras 3).

Hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokuskan gaya pembelajaran pelajar. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Hasil

pembelajaran juga dapat membantu guru membuat pengukuran dan penilaian pencapaian pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Sistem bahasa.

Sistem bahasa pula terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, dan sebutan dan intonasi. Pelaksanaan sistem bahasa secara terancang membolehkan pelajar menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu secara berkesan.

Pengisian kurikulum.

Aspek yang terakhir yang turut dimasukkan dalam kurikulum ini ialah aspek pengisian kurikulum. Aspek ini dimasukkan bagi memastikan pendidikan Bahasa Melayu berkembang sejajar dengan tuntutan semasa. Aspek pengisian kurikulum meliputi ilmu pengetahuan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, dan pelbagai kecerdasan. Maka, kajian ini cuba mengaplikasikan semua kandungan pendidikan bersepadu Bahasa Melayu secara fungsional dan kontekstual sesuai dengan matlamat pendidikan bahasa itu sendiri.

Strategi Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan (2002) menggariskan beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu diamal dan dilaksanakan. Strategi tersebut ialah:

- (1) Mengaplikasikan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar bagi memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan menguasai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

kemahiran bahasa sejajar dengan kemampuan mereka sendiri;

(2) Mengaplikasikan pendekatan masteri bagi memastikan pelajar menguasai isi pelajaran dan kemahiran bahasa mengikut tahap kebolehan pelajar itu sendiri;

(3) Menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai;

(4) Menggunakan pelbagai sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran;

(5) Menggunakan tatabahasa yang tepat dalam setiap aspek pengajaran bahasa;

(6) Menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertema, yang meliputi semua bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan serta isu semasa supaya hasil pembelajaran, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata bersepadu sifatnya;

(7) Menggunakan bahan ilmiah dan sastera sebagai bacaan luas digalakkan untuk meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca;

(8) Menggabung jalin antara satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain, kemahiran bahasa dengan sistem bahasa, dan kemahiran dengan peribahasa;

(9) Menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya dan kemahiran bernilai tambah;

(10) Melaksanakan konsep pemulihan dalam setiap sesi pengajaran untuk membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai mengikut kadar kemampuan mereka;

(11) Menjalankan penilaian formatif dan sumatif yang berterusan di bilik darjah untuk menentukan pencapaian pelajar dan juga bagi menentukan jenis

tindakan susulan yang dijalankan, sama ada aktiviti pengayaan atau pemulihan;



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- (12) Melaksanakan aktiviti pengayaan bagi membolehkan pelajar yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal daripada jangka masa yang ditetapkan melalui aktiviti atau tugas yang lebih mencabar.

Kesimpulannya, *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* mencadangkan pelbagai strategi bagi memastikan pengajaran dan suasana pembelajaran BM di bilik darjah menjadi lebih berkesan dan menarik. Justeru, kajian ini cuba membangunkan sebuah modul yang mengambil kira kepelbagaian strategi bagi memastikan proses pengajaran berjalan dengan berkesan.

Implikasi Teori Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap

Pengajaran Bahasa Melayu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Teori Pembelajaran dan Pemerolehan Bahasa

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2001) tidak menjelaskan secara terperinci tentang pendekatan yang harus digunakan bagi mengajarkan Bahasa Melayu. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Edisi Semakan, 2002)* juga tidak menyentuh secara langsung pendekatan pengajaran yang boleh diamalkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Namun, *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat* ada mencadangkan beberapa strategi pengajaran dan konsep pendidikan yang boleh dilaksanakan di bilik darjah, antaranya ialah penggunaan pelbagai kaedah dan teknik, pendekatan bertema, pendekatan konteks, bacaan luas, pendidikan merentas kurikulum, penggabungjalinan dan penyerapan serta pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi